

## UPM raikan 11 penerima anugerah

**KUALA LUMPUR 15 April** - Universiti Putra Malaysia (UPM) merayakan sebanyak 11 penerima Anugerah Jaringan Industri dan Komuniti Berimpak Tinggi yang terdiri daripada pegawai akademik, pegawai bukan akademik, pelajar, badan korporat berikutan kejayaan mereka melakukan penyelidikan dan penerokaan ilmu.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Dr. Aini Ideris berkata, program yang dilakukan oleh 11 penerima itu bertujuan mempergiatkan peranan universiti sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan.

"Jaringan industri dan masyarakat UPM ini berfungsi dalam memberi sumbangan kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu melalui kerjasama strategik antara dua pihak tersebut.

"Anugerah ini diberi sebagai penghargaan kepada mereka kerana program-program yang dijalankan mengetengahkan pentingnya peranan jaringan tersebut kepada negara dan antarabangsa," katanya ketika ditemui dalam majlis Penghargaan Minum Petang Industri

dan Masyarakat, di sini hari ini.

Sebelas penerima anugerah tersebut masing-masing mewakili lapan kategori antaranya kategori industri, komuniti, pusat tanggungjawab, pegawai akademik (industri), pegawai akademik (komuniti), pegawai bukan akademik (industri), pegawai bukan akademik (komuniti) dan pelajar.

Mengulas lanjut, Aini berkata, sebanyak tujuh program dijalankan di peringkat antarabangsa dan 39 program lagi diiktiraf sebagai program angkat (berimpak tinggi).

"Program antarabangsa tersebut merangkumi pembangunan modal insan manakala Projek Angkat pula melibatkan inovasi, reka cipta, warga emas, pembangunan halal, pembangunan usahawan, promosi universiti dan kesejahteraan komuniti.

"Sebanyak 54 geran diberikan kepada mereka untuk melaksanakan pemindahan ilmu dan teknologi kepada masyarakat di samping penglibatan secara langsung mencapai matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti terbabit," ujarnya.

Sementara itu, salah seorang

penerima anugerah, Prof. Dr. Tengku Aizan Hamid berkata, penyelidikan dilakukan membawa impak besar kepada masyarakat.

"Penyelidikan yang dijalankan memfokuskan kepada kaum wanita berumur 40 tahun ke atas berkaitan kewangan. Kami memberi khidmat nasihat dan cara dalam memberi ilmu kepada mereka terhadap perancangan kewangan di hari tua kelak.

"Mereka ini adalah daripada isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 dan seramai 40 peserta berjaya dijadikan fasilitator dalam program ini yang dijalankan selama lima bulan," katanya.

Penerima Anugerah Projek Jaringan Komuniti Terbaik, Dr. Ferdius Mohamat Yusuff pula berkata, beliau menjalankan projek ternakan kerang Anadara Granosa dengan kaedah yang mampu memaksimumkan saiz kerang.

"Saya menjalankan projek ini kerana kerang jenis ini sukar ditemui di negara kita. Jadi ia memberi saya idea untuk memelihara dengan meningkatkan pembiakan dengan lebih luas lagi," katanya.